



**Kami Sedia Membantu**  
Penyayang • Profesionalisme • Kerja Berpasukan



## UNIT PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN, JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH

### FUNGSI DAN PERANAN

- Mengurus dan menyelaraskan penempatan Penolong Pegawai Perubatan di hospital-hospital seluruh negeri Kedah.
- Mengurus perkhidmatan dan penempatan Program Penempatan Wajib (PPW) daripada Kementerian ke Hospital-hospital berpakar.
- Merangka dan menyelaraskan program kerja program Penolong Pegawai Perubatan seluruh hospital di negeri Kedah.
- Menjalankan dan menyelaraskan latihan-latihan untuk Penolong Pegawai Perubatan, Pembantu Perawatan Kesihatan dan pemandu ambulan.
- Mengumpul dan menyelaraskan statistik jabatan kecemasan dan lain-lain jabatan hospital.
- Menyelaraskan pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Tahunan (APC) Penolong Pegawai Perubatan.
- Menguruskan perkhidmatan liputan perubatan melibatkan jabatan kesihatan, negeri dan antarabangsa seperti liputan perubatan untuk DYMM Sultan Kedah, LIMA dan sebagainya.
- Memantau dan menyelia aktiviti-aktiviti dan sistem penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan di hospital-hospital.
- Merancang aktiviti kajian dan penyelidikan perubatan yang bersesuaian kepada Penolong Pegawai Perubatan.
- Memastikan kod etika PPP, Akta 180(1977) dan Peraturan(1979) sentiasa dilaksanakan oleh semua Penolong Pegawai Perubatan di semua hospital di negeri Kedah.
- Mengendalikan aduan-aduan dan salah laku yang melibatkan perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan di hospital-hospital.